

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 09/04/2008

Dr. Mahathir digesa tidak tekan Pak Lah

PUTRAJAYA 8 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak sepatutnya membuat kenyataan yang memberi tekanan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sehingga menimbulkan ketidakpastian kepada negara ini, kata Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Sebaliknya, tegas Menteri Dalam Negeri tersebut, bekas Perdana Menteri itu seharusnya memberi sokongan kepada Abdullah serta mengembalikan keyakinan rakyat terhadap kepimpinan negara.

"Tun Dr. Mahathir bukan orang biasa di kalangan rakyat, beliau pernah menjadi nombor satu dan ikon kepada kumpulan beliau. Jadi, dia tidak sepatutnya mengkritik kerajaan sekarang ini.

"Beliau seharusnya menyumbangkan sesuatu bagi memulihkan kerajaan serta memperbaiki kelemahan-kelemahan sebelum ini," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas Majlis Pelancaran Sistem Bionadi Agensi

UM - 9/4/2008

Anti-Dadah Kebangsaan di sini hari ini. Sistem inter operasi pertama seumpamanya di Asia Tenggara itu mampu merekodkan data penagih dengan tepat, terkini dan penyimpanan rekod yang lebih efisien.

Syed Hamid berkata, kenyataan Dr. Mahathir juga boleh menyebabkan keadaan ekonomi negara tidak stabil seandainya pelabur asing terpengaruh dengan kenyataannya menghentam kerajaan.

"Sekarang ini kita perlu beri tumpuan kepada tugas dan tanggungjawab yang perlu diteruskan untuk mengembalikan keyakinan rakyat dan para pelabur asing," katanya.